

Terma dan Syarat 'Program Rujukan "JOM RUJUK"'

1. DEFINISI

- 1.1 Bagi tujuan terma-terma dan syarat-syarat ini, perkataan dan terma di bawah adalah bermaksud makna yang diberikan kepadanya:

"RCE" bermaksud **RCE Marketing Sdn Bhd 198101011880 (78009-K)** pemberi dana tunggal kepada **Yayasan Ihsan Rakyat ("YIR")** dan **Yayasan Dewan Perniagaan Melayu Perlis Berhad ("YYP")**.

"Program" merujuk kepada Program Rujukan **'JOM RUJUK'** yang dianjurkan oleh RCE menurut Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini.

"Tempoh Program" bermaksud Program ini berkuatkuasa dari **7 April 2023**.

"ePanta\$" merupakan aplikasi digital yang digunakan oleh pelanggan untuk memohon pembiayaan peribadi YIR/YYP secara atas talian.

"Perujuk" merujuk kepada pemegang akaun bersama RCE yang mempunyai kod rujukan unik dan memperkenalkan kenalannya untuk memohon pembiayaan peribadi YIR/YYP melalui aplikasi ePanta\$ atau wakil pemasaran dari ibu pejabat RCE.

"Pelanggan Dirujuk" bermaksud kepada kenalan dirujuk oleh Perujuk yang berpotensi memiliki akaun bersama RCE.

"Rujukan Berjaya" bagi Program ini merujuk kepada Pelanggan Dirujuk yang memenuhi kriteria Kelayakan dan Terma dan Syarat.

"Ganjaran e-Baucar" bermaksud ganjaran e-Baucar RM200 Touch n' Go yang akan diberikan kepada Perujuk bagi setiap Rujukan Berjaya.

2. KELAYAKAN

- 2.1 Program ini terbuka kepada Perujuk yang menerima kod rujukan unik dari wakil pemasaran ibu pejabat RCE untuk menyertai Program ini.
- 2.2 RCE berhak untuk menolak kelayakan Perujuk untuk Program ini mengikut budi bicara mutlak, difikir sesuai dan Perujuk tidak mempunyai sebarang alasan munasabah terhadap RCE.

2. KELAYAKAN (SAMB')

2.3 Kelayakan bagi **Pelanggan Dirujuk**:

- I. Berstatus kakitangan kerajaan yang layak memohon pembiayaan;
- II. Pelanggan baru yang tidak pernah mempunyai sebarang akaun dengan RCE termasuk akaun yang sudah selesai dibayar; dan
- III. Memohon pembiayaan peribadi dengan RCE sahaja sama ada melalui aplikasi ePanta\$ atau wakil pemasaran dari ibu pejabat RCE dan pembiayaan lulus serta wang diterima di akaun Pelanggan Dirujuk diklasifikasikan sebagai Rujukan Berjaya.

2.4 Tanpa menghadkan perkara di atas, pelanggan seperti berikut **tidak layak** untuk menyertai Program ini:

- I. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan berhubung dengan mana – mana pembiayaan yang diberikan oleh RCE;
- II. Individu yang tidak waras, meninggal dunia, diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding undang-undang yang dikenakan; dan
- III. Pelanggan yang memohon kemudahan pembiayaan melalui agen berdaftar RCE.

3. MEKANISME PROGRAM

- 3.1 Kod rujukan unik akan diberikan kepada Perujuk. Selain itu, kod rujukan unik yang telah diberikan sebelum Tempoh Program melalui kempen-kempen yang lalu adalah sah digunapakai.
- 3.2 Perujuk perlu memberi kod rujukan unik kepada Pelanggan Dirujuk dalam Tempoh Program. Tiada had bagi jumlah Pelanggan Dirujuk yang boleh dirujuk oleh Perujuk. Perujuk tidak boleh merujuk dirinya sendiri dalam Program ini.
- 3.3 Pelanggan Dirujuk perlu memaklumkan kod rujukan unik Perujuk melalui bertulis, SMS, WhatsApp, atau panggilan telefon apabila memohon kemudahan pembiayaan kepada pihak RCE dalam masa tempoh 7 hari bekerja selepas kemasukan wang ke dalam akaun Pelanggan Dirujuk.
- 3.4 Pihak RCE akan menghubungi Perujuk untuk membuat pengesahan sama ada melalui bertulis, SMS, WhatsApp, atau panggilan telefon.
- 3.5 Perujuk juga boleh maklumkan kepada pihak RCE apabila Pelanggan Dirujuk memohon kemudahan pembiayaan menggunakan kod rujukan unik melalui bertulis, SMS, WhatsApp, atau panggilan telefon dalam masa tempoh 7 hari bekerja selepas kemasukan wang ke dalam akaun Pelanggan Dirujuk.

3. MEKANISME PROGRAM (SAMB')

- 3.6 Perujuk bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa butiran hubungan yang diberikan kepada pihak RCE adalah terkini dan dikemaskini. RCE tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan akibat daripada tindakan sedemikian) yang dialami sekiranya butiran hubungan Perujuk dalam rekod RCE tidak terkini atau betul.

4. GANJARAN PROGRAM

- 4.1 Perujuk akan menerima Ganjaran e-Baucar RM200 Touch n' Go bagi setiap Rujukan Berjaya yang memenuhi kriteria dalam klausa 2.3 di atas dalam masa 30 hari bekerja selepas kemasukan wang ke dalam akaun Pelanggan Dirujuk.
- 4.2 Semua maklumat yang diberikan oleh Perujuk berhubung dengan, atau bagi tujuan Program mestilah benar, tepat, semasa dan lengkap. Perujuk yang gagal mematuhi kehendak ini akan dihilangkan kelayakan dengan segera daripada Program ini dan tidak akan layak menerima Ganjaran e-Baucar.
- 4.3 Semua Perujuk layak untuk menerima Ganjaran e-Baucar bagi setiap Rujukan Berjaya dan berhak mendapat lebih daripada satu penebusan Ganjaran e-Baucar sepanjang Tempoh Program dan tertakluk kepada Terma dan Syarat.
- 4.4 RCE berhak menggantikan Ganjaran e-Baucar dengan barang lain yang mempunyai kos serupa.
- 4.5 Ganjaran e-Baucar akan diemelkan ke alamat emel Perujuk atau melalui WhatsApp oleh pihak RCE dalam Tempoh sebulan (30 hari) selepas wang pembiayaan diterima ke dalam akaun Pelanggan Dirujuk dalam Tempoh Program.
- 4.6 Gambar Ganjaran e-Baucar yang diterbitkan dalam mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan atau berkaitan dengan Program adalah untuk kegunaan ilustrasi sahaja.
- 4.7 Sebarang ketidakpuasan hati berhubung dengan e-Baucar atau Terma dan Syarat berkenaan dengannya, Perujuk secara langsung akan mengurus dengan pembekal perkhidmatan. RCE tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan tambah nilai e-Baucar atau sebarang Terma dan Syarat berkenaan dengannya.

4. GANJARAN PROGRAM (SAMB')

- 4.8 Ganjaran e-Baucar di dalam Program ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini (jika ada).
- 4.9 RCE mempunyai hak mutlak untuk menarik balik Ganjaran e-Baucar dalam apa jua keadaan jika Perujuk tidak dapat dihubungi.
- 4.10 Para pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya (jika ada) di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Para pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut.
- 4.11 Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, pihak RCE akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai Program ini, para pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar mereka di mana-mana media mengikut budi bicara pihak RCE. Oleh yang demikian, pihak RCE berhak menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar para pemenang bagi tujuan promosi dan publisiti.
- 4.12 Perujuk akan dimaklumkan sama ada melalui bertulis, SMS, telefon, WhatsApp, atau halaman Facebook rasmi YIR di PortalRasmiYIR dan Facebook rasmi YYP di PortalRasmiYYP.

5. TERMA DAN SYARAT

- 5.1 Dengan menyertai Program ini, Perujuk bersetuju untuk terikat secara sah oleh Terma dan Syarat di sini dan keputusan penganjur (RCE). Keputusan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Program ini adalah muktamad, konklusif dan terikat. RCE tidak akan bertanggungjawab untuk memberikan sebarang sebab atau membuat sebarang surat-menyurat dengan mana-mana orang mengenai apa-apa perkara mengenai Program ini.
- 5.2 RCE berhak untuk menerbitkan dan memaparkan nama, gambar dan/atau video audio Perujuk dalam mana-mana media massa atau bahan pemasaran untuk tujuan pengiklanan dan publisiti tanpa pampasan dan notis awal. Dengan menyertai Program ini, Perujuk memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menggunakan dan menerbitkan namanya, gambar dan/atau video audio.
- 5.3 Perujuk tidak berhak mendapat sebarang pampasan tunai, faedah atau penggantian dalam apa jua bentuk sekalipun sebagai ganti hadiah.
- 5.4 RCE berhak untuk membatalkan ganjaran e-Baucar jika Perujuk tidak mematuhi mana-mana Terma dan Syarat di sini.

5. TERMA DAN SYARAT(SAMB')

- 5.5 Pihak RCE tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Program ini dan adalah tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun samada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/atau apa-apa yang dialami oleh Perujuk yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan pelanggan dan Program atau penerimaan atau semasa menggunakan hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah dan/atau akibat daripada sebarang tindakan dan pengabaian apa juga dari pihak RCE, kecuali apa-apa liability yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. Pihak RCE tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan pihak RCE dalam pentadbiran dan pemprosesan Program ini.
- 5.6 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, RCE berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk mengubah, menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Program ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian, atau mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat di sini pada bila-bila masa atau dari masa ke semasa tanpa memberi notis pemberitahuan terlebih dahulu atau rujukan kepada Perujuk.
- 5.7 Terma dan Syarat di sini adalah ditadbir oleh undang-undang Malaysia, dan Perujuk akan dianggap telah bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

TAMAT